

Johor maklum keluasan lokasi minggu depan

Johor Bahru: Menteri Besar, Datuk Dr Sahrudin Jamal akan memaklumkan keluasan hutan yang diluluskan kerajaan Johor bagi tujuan pembalakan terutama di daerah Mersing, minggu depan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia negeri, Dzulkefly Ahmad, berkata Menteri Besar akan mengeluarkan kenyataan mengenai isu berkenaan selepas beliau mempengerusikan mesyuarat EXCO negeri, Rabu depan.

"Menteri Besar akan balik 22 Jun ini (daripada mengerjakan Umrah) dan minggu depan akan diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Bumi dan juga mesyuarat EXCO negeri.

"Kita melihat isu ini sangat penting dan perlukan tindakan segera kerana ia menjejaskan alam sekitar dan hutan. Malah, saya sendiri sebagai EXCO melihat ini serius dan buat siasatan hingga ke akar umbi," katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Terberg Tractors Malaysia (TTM) untuk membekalkan traktor pintar tanpa pemandu, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Dzulkefly berkata, kerajaan negeri juga tidak menolak kemungkinan menubuhkan jawatankuasa khas, termasuk membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyiasat secara menyeluruh kegiatan pembalakan di Mersing.